

22 JUL 2000

Mahathir-Agama

KURSUS AGAMA DI JABATAN KERAJAAN UNTUK TERAPKAN NILAI ISLAM

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kursus-kursus agama yang akan diadakan di jabatan-jabatan kerajaan perlu mengutamakan penerapan nilai-nilai Islam dan bukannya bersifat politik seperti yang berlaku sekarang.

Beliau berkata, nilai-nilai Islam ini adalah seperti amanah, keikhlasan, berpegang kepada janji, bertanggungjawab, jujur dan sebagainya.

"Kita akan adakan kursus-kursus yang lebih tersusun dan mementingkan penerapan Islam. Bukan soal apa dia agama atau fardhu ain...itu boleh belajar di tempat lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Puspanita di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, langkah itu diambil kerajaan bagi mengelakkan ceramah-ceramah agama anjuran kakitangan kerajaan dijadikan tempat menanam kebencian terhadap kerajaan.

Beliau berkata, ada ceramah yang diadakan di pejabat-pejabat kerajaan yang mengkritik kerajaan walaupun ia pada mulanya dibuat dengan tujuan mengajar agama.

Ceramah-ceramah yang lebih berbentuk kempen pembangkang ini telah menyebabkan banyak pegawai kerajaan yang memegang jawatan penting menjadi anggota parti lain yang menyukarkan kerajaan menjalankan tanggungjawabnya.

"Mereka tak profesional, mereka buat kerja didorong keahlian dalam parti pembangkang. Sebab itulah kita hentikan syarahan di pejabat-pejabat kerajaan," katanya.

Sebagai ganti, kelas pengajian Islam di jabatan-jabatan kerajaan akan diadakan seminggu sekali, katanya.

Dalam ucapan beliau, Dr Mahathir berkata syarahan-syarahan yang membangkitkan perasaan marah dan benci kepada kerajaan amat berbahaya dan Puspanita tidak harus memberi peluang kepada pensyarah agama seperti ini.

Perdana Menteri berkata, ahli-ahli Puspanita hendaklah berhati-hati dengan pendapat yang dibawa oleh orang-orang tertentu yang suka menyalahafsirkan agama untuk menimbulkan kebencian terhadap orang lain, terutamanya kerajaan dan pemimpinnya.

Turut hadir pada perasmian itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan kira-kira 1,000 ahli Puspanita dari seluruh negara.

-- BERNAMA

AR AZZ PR